

Warga UMP menyaksikan Fenomena Gerhana Matahari



Pekan, 9 Mac – Warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) tidak melepaskan peluang menyaksikan fenomena gerhana matahari secara lebih dekat di Bangunan Canseleri Tun Abdul Razak UMP Pekan sekitar jam 8.25 pagi tadi.

Sejurus fenomena itu, warga UMP Gambang dan Pekan telah mengadakan solat sunat gerhana matahari dan seterusnya diikuti dengan penyampaian khutbah gerhana matahari yang disampaikan pensyarah Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) iaitu Dr. Mohammad Hilmi Mat Said di UMP Gambang manakala di UMP Pekan pula disampaikan oleh Dr. Mansor Sulaiman.

Di antara pengisian khutbah tersebut menerangkan menerusi fenomena ini kita dapat melihat antara kebesaran Allah SWT. Kita juga digalakkan untuk membuat perkara-perkara sunat seperti solat sunat gerhana, berzikir, bersedekah dan membaca Al Quran.

"Solat sunat ini juga dianggap istimewa kerana fenomena ini berlaku dalam tempoh masa tertentu sahaja dan jarang ditemui. Jadi kita sebagai makhluk Allah di muka bumi ini perlu merebut peluang untuk meengambil peluang ini," katanya.

Turut diterangkan juga fenomena ini adalah ketentuan Tuhan dan tiada unsur aneh yang berlaku melibatkan kematian ataupun kehidupan seseorang pada waktu tersebut. Khutbah tersebut dibacakan di hadapan lebih 100 jemaah di UMP Gambang dan Pekan.



Hadir sama Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), Prof. Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan Ketua Pustakawan, Haji Roslan Che Pee.

Sementara itu, Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Pendaftar, Shahrizai Haji Sarif, 45, berkata beliau bersyukur kerana berpeluang menyaksikan fenomena gerhana matahari. Beliau berkata, fenomena seperti ini jarang berlaku dan berusaha menyaksikan saat-saat ini.

Katanya, gerhana matahari dan bulan ini merupakan fenomena yang diciptakan oleh Allah SWT untuk memperlihatkan tanda-tanda kebesaranNya. Selain itu juga, selama ini kita hanya mempelajarinya di sekolah namun pada hari ini kita dapat melihat secara realiti fenomena tersebut.

Manakala rakan sekerjanya Nor Sabrina Ismail, 36 amat berkata amat teruja dan bersyukur pertama kali berkesempatan menyaksikan fenomena sebegini. Katanya, seawal jam 8.00 pagi lagi beliau dan rakan-rakannya menunggu di sini dengan membawa beberapa peralatan yang bersesuaian seperti cermin mata hitam, kamera dan kaca filem berwarna hitam. Beliau mengetahui mengenai fenomena ini menerusi info yang terdapat dalam surat khabar dan juga media sosial.

Disediakan oleh Nor Salwana Mohd. Idris dan foto oleh Naufal dari Bahagian Komunikasi Korporat.

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 09-03-2016, 12:24:16